

## **Keunikan Tanjak Warisan Melayu**

Siti Nur Aini Alias  
Nurul Huda Khalil  
Kamarul Azwan Azman

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### **ABSTRAK**

*Tanjak merupakan salah satu perhiasan kepala warisan Melayu yang digunakan sebagai penutup kepala oleh orang Melayu lelaki pada zaman dahulu. Antara nama lain bagi tanjak ialah tengkolok, destar, justar dan semutar yang membawa fungsi yang sama iaitu perhiasan kepala. Namun, setiap perhiasan kepala ini mempunyai asal usul nama yang berlainan. Tanjak ini merupakan salah satu busana pada bahagian kepala yang sering dikaitkan dengan kepahlawanan dan juga sering dikaitkan dengan acara adat istiadat bangsa Melayu. Artikel ini menggariskan tentang cara-cara pembuatan tanjak yang betul mengikut keaslian tanjak warisan Melayu. Kajian ini juga akan mengkaji pemasaran yang digunakan oleh tokoh dalam memasarkan tanjak yang telah dihasilkan. Selain itu, penerangan tentang pemakaian tanjak itu juga akan dibincangkan di dalam artikel ini. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan salah satu kaedah kualitatif iaitu dengan menemu bual seorang tokoh yang merupakan seorang pengarang tanjak.*

**Kata kunci:** *Tanjak, perhiasan kepala, Warisan Melayu, simpulan, negeri.*

### **ABSTRACT**

*Tanjak was known as one of Malay heritage headgear used by Malay men in ancient times. Besides tanjak, there are a few names for headgear which are tengkolok, destar, justar and semutar which carry the same purpose which is a headdress. However, each of these headgears has a different origin. Tanjak is a part of clothing on the head that is often associated with heroism and the*

*traditions of Malays. This article outlines the right ways of making tanjak according to the origin of the Malay heritage. This study will also examine the marketing used by the figures in marketing the tanjak that has been produced. In addition, a description of the use of tanjak also will be discussed in this article. This study was conducted using one of the qualitative methods which is by interviewing a figure who is a tanjak maker.*

**Keywords:** *Tanjak, headgear, Malay heritage, tying knot, state.*

## **PENGENALAN**

Tanjak yang juga dikenali sebagai destar, tengkolok, bulang hulu dan setangan kepala, merupakan sejenis alas kepala tradisional Melayu yang hanya dipakai oleh golongan lelaki. Menurut Nadiya (2020), golongan wanita tidak boleh memakai tanjak kerana pemakaian tanjak tersebut berlawanan dengan adat Melayu. Jadi, golongan wanita hanya boleh memakai tengkolok sahaja.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) istilah “tanjak”, “tengkolok”, dan “destar” adalah bersinonim namun berlainan dari segi bentuk, lipatan yang digunakan, dan juga kegunaannya. Tanjak merupakan salah satu busana pada bahagian kepala lelaki Melayu yang sering dikaitkan dengan istana, kepahlawanan dan dilihat sering dipakai dalam pelbagai acara adat istiadat bangsa Melayu. Tanjak pada kebiasaannya akan dipadankan dengan pemakaian samping, bengkung dan baju Melayu beserta keris yang diselit di pinggang bagi pakaian lelaki Melayu.

Menurut Pencinta Warisan Melayu (2017), pada zaman kesultanan Melayu Melaka, hanya sehelai kain digunakan dan diikat di kepala dengan tujuan untuk menutupi rambut agar terlihat kemas memandangkan tanjak masih belum dicipta pada masa itu. Namun, ikatan kain ini lama-kelamaan berubah dan dipelbagaikan mengikut peredaran zaman. Ikatan tanjak ini diolah dan diubahsuai supaya bersesuaian untuk si pemakai mengikut taraf seseorang itu.

Dahulunya, tanjak merupakan lambang status seseorang. Hanya orang yang berada pada ketika itu yang mampu untuk memiliki dan memakainya. Ia

juga merupakan sebahagian daripada pakaian raja dan sultan pada masa itu. Tanjak, yang dipakai oleh raja pada zaman kesultanan Melayu Melaka diperbuat dari kain sutera dari China atau India manakala orang kebanyakan hanya menggunakan kain biasa sahaja.

Masyarakat Melayu perlulah mengekalkan pemakaian tanjak. Hal ini kerana ia merupakan salah satu warisan budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita kepada golongan muda pada masa kini dan juga pada masa akan datang. (The Patriots, 2021)

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pernyataan masalah adalah sesuatu masalah yang ingin dikaji dan memerlukan perbincangan dan penyelesaian serta maklumat yang lebih tepat. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengkaji tentang pembuatan tanjak warisan Melayu di Kajang, Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti.

Antara permasalahan yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini adalah **kurangnya kajian yang dilakukan tentang pembuatan tanjak secara terperinci**. Melalui kajian literatur, pengkaji mendapati kajian berkaitan mengenai dengan pembuatan tanjak amat kurang sekali. Ketika artikel ini ditulis, hanya terdapat satu kajian sahaja yang dilakukan oleh Salina Abdul Manan, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Noor Hafiza Ismail dan Norasid Majid yang hanya membincangkan mengenai teknik lipatan tengkolok atau tanjak yang terdapat di negeri Perak.

Selain itu, kajian berikut juga **kurang menekankan tentang pembuatan tanjak yang betul mengikut keaslian tanjak warisan Melayu**. Tuntasnya, diharapkan kajian ini dapat memberikan sedikit pencerahan serta manfaat kepada pembuat tanjak pada masa hadapan berkaitan dengan karangan dan falsafahnya. Secara tidak langsung, mereka dapat mengetahui dengan lebih jelas serta dapat mengekalkan ciri-ciri keaslian tanjak warisan Melayu. Kajian ini juga dilakukan bagi memastikan masyarakat Melayu pada masa kini dan pada masa akan datang dapat juga mengenali dan mengetahui dengan lebih

lanjut tentang kewujudan tanjak Warisan Melayu supaya warisan ini tidak pupus ditelan zaman.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif bagi kajian ini adalah: -

- 1) Untuk mengenal pasti cara-cara pembuatan tanjak yang betul mengikut keaslian tanjak warisan Melayu.
- 2) Untuk mengkaji pemasaran yang digunakan oleh Encik Mohd Herin Bin Mansor dalam memasarkan tanjak yang dihasilkan oleh beliau.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah cara-cara pembuatan tanjak yang betul mengikut keaslian tanjak warisan Melayu?
2. Apakah cara yang digunakan dalam memasarkan tanjak yang telah dihasilkan?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Pada era globalisasi ini dapat dilihat bahawa minat masyarakat Melayu terutama di Malaysia dalam mengenali warisannya semakin pudar dan berkurangan. Hal ini berlaku kerana masyarakat pada masa kini kurang berminat terhadap warisan Melayu itu sendiri. Contohnya seperti berbusana, memakai tanjak, dan sebagainya. Jadi, warisan Melayu ini perlulah dikekalkan sampai bila-bila kerana warisan ini merupakan identiti bagi orang Melayu.

Antara kepentingan kajian ini ialah **dapat menambahkan lagi maklumat yang sedia ada yang berkaitan dengan kajian mengenai tanjak**. Penambahan maklumat ini perlu kerana maklumat atau kajian berkaitan dengan tanjak pada masa kini amat kurang. Perkara ini menyebabkan pengkaji sekarang menghadapi masalah dalam menyelesaikan kajian mereka. Kajian berkaitan dengan tanjak ini amat penting kerana ia dapat membantu pengkaji pada masa hadapan khususnya kepada pembuat dan peminat tanjak.

Selain itu, kajian ini juga amat penting kerana **dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya bagi golongan orang Melayu tentang tanjak warisan**. Ada sesetengah golongan yang tidak tahu langsung tentang kewujudan tanjak warisan ini. Hal ini berlaku kerana perubahan dunia yang semakin canggih dengan teknologi sekarang. Perubahan ini telah menyebabkan masyarakat hanya berminat untuk menumpukan sepenuh perhatian mereka hanya kepada teknologi yang dimiliki dan sedia ada dan tidak kepada budaya atau warisan seperti contoh pembuatan tanjak. Ini secara tidak langsung menyebabkan tanjak warisan Melayu semakin dipinggirkan dan dilupakan. Oleh yang demikian, pengkaji menyatakan bahawa melalui kajian yang dijalankan ini, diharap akan dapat membantu meningkatkan kesedaran semula masyarakat terutamanya kepada golongan orang Melayu terhadap tanjak. Tanjak merupakan salah satu warisan dan lambang identiti bangsa Melayu yang unik.

Kesimpulannya, sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan ilmiah yang moden. Tujuannya adalah untuk memelihara perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara serta turut merakam wawancara tersebut yang berkisarkan tentang sesuatu perkara atau peristiwa yang dialami oleh tokoh sama ada ianya terlibat secara langsung ataupun tidak. (Ahmad, 1987).

## **TINJAUAN LITERATUR**

Tanjak yang juga dikenali sebagai destar, tengkolok, bulang hulu dan setangan kepala, adalah merupakan sejenis alas kepala tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan lelaki. Tanjak merupakan salah satu busana pada bahagian kepala lelaki Melayu yang sering dikaitkan dengan istana, kepahlawanan dan kelihatan sering dipakai dalam pelbagai acara adat istiadat orang Melayu.

Dalam kajian mengenai pembuatan tanjak, pengkaji telah memilih Encik Mohd Herin Bin Mansor. Beliau merupakan seorang tokoh pengarang tanjak di Kajang, Selangor. Beliau turut mengusahakan perusahaan tanjak yang dinamakan Tanjak Mahkota By Bin Mansor. Tanjak Mahkota ini dilahirkan untuk mentradisikan semula pemakaian tanjak pada semua orang Melayu. Beliau

juga telah lama berkecimpung dalam bidang pembuatan tanjak dan telah banyak menghasilkan tanjak warisan Melayu termasuk juga tanjak bagi negeri-negeri di Malaysia. (Tanjak Mahkota By Bin Mansor, 2020).

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, kajian mengenai tanjak hanya dibuat dalam tahun 2017 sahaja. Tengkolok dan tanjak mempunyai maksud yang sama iaitu merupakan hiasan atau penutup kepala lelaki Melayu yang mempunyai keunikan serta mempunyai identiti yang tersendiri. (Salina, et al, 2017). Kajian ini hanya mendokumentasikan proses teknik 'Seni Mengikat Tengkolok Warisan Perak Darul Ridzuan' bagi lipatan tengkolok Melayu dan bukan jenis lipatan tanjak dari negeri yang lain. Menurut mereka, seni mengikat tengkolok ini dapat mencerminkan ketinggian ilmu serta kreativiti orang Melayu pada zaman dahulu dalam mereka bentuk sesebuah tengkolok. Pengkaji lepas juga turut membincangkan mengenai teknik bagi lipatan tengkolok Ayam Patah Kepak dari Perak Darul Ridzuan. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas ini diharap dapat dijadikan rujukan kepada para penyelidik yang lain terutama kepada penyelidik tengkolok atau tanjak dari negeri-negeri Melayu yang lain khususnya dalam warisan pakaian Melayu pada masa akan datang.

## **METODOLOGI**

Sejarah lisan merupakan satu kaedah yang dijalankan bersama-sama dengan seseorang tokoh dan dilakukan secara wawancara dan dirakam. Tokoh yang dipilih kebiasaannya terdiri daripada mereka yang menyumbang kepada maklumat yang bersejarah iaitu dari segi penglibatan serta pengalaman mereka sendiri, melalui peristiwa tertentu atau sebagainya. (Pusat Pengajian Sejarah Lisan UKM, 2007).

Pengkaji telah membuat beberapa kajian sebelum memilih tokoh yang akan di temu bual dan hasilnya pengkaji telah memilih Encik Mohd Herin Bin Mansor. Beliau merupakan seorang pengarang tanjak. Encik Mohd Herin Bin Mansor merupakan seorang individu yang masih lagi mengekalkan ciri-ciri keaslian tanjak warisan Melayu. Kebanyakan tanjak yang dihasilkan oleh beliau merupakan tanjak warisan Melayu. Hal ini kerana beliau ingin mengekalkan dan menjaga seni warisan bangsa Melayu supaya tidak pudar dan tak lapuk ditelan zaman.

Akhir sekali, pengkaji telah menjalankan beberapa kaedah kajian bagi mendapat maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan iaitu mengenai pembuatan tanjak. Pengkaji telah menjalankan kaedah kualitatif iaitu melalui temubual bersama tokoh yang mengarang tanjak. Kaedah kajian ini juga turut dibuat bagi mengetahui tentang bagaimanakah pembuatan tanjak dilakukan serta apakah yang digunakan dalam membuat tanjak. Kebanyakan tanjak yang dihasilkan adalah tanjak warisan Melayu dan turut menghasilkan tanjak bagi negeri-negeri di Malaysia. Temu bual ini dijalankan secara dalam talian iaitu melalui Google Meet selama dua jam.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar Belakang Pengarang Tanjak**

Encik Mohd. Herin bin Mansor merupakan seorang pengarang tanjak yang kini sudah mencecah usia 41 tahun. Beliau dilahirkan pada 10 Januari 1980 di Hospital Besar Seremban dan dibesarkan di Batu Pahat, Johor. (Mohd. Herin, 2020). Bapa beliau bernama Mansor bin Jamin dan nama ibu beliau pula Siti Aminah binti Rudin. Beliau merupakan anak yang pertama daripada empat orang adik-beradik yang terdiri daripada tiga lelaki dan satu perempuan. Menurut beliau, beliau mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Parit Sulong. Selepas itu, beliau menyambung pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Jalan Kolam Air, yang sekarang nya dipanggil Sekolah Menengah Syed Esa di tingkatan 1 sehingga tingkatan 3. Sewaktu di tingkatan 4 dan 5, beliau berpindah ke Sekolah Menengah Dato' Sulaiman di Parit Sulong. Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan pangkat dua, beliau telah meneruskan lagi pelajarannya dengan memasuki Kolej Teknik dalam jurusan Pengurusan Makanan dan Minuman. Beliau kemudiannya bekerja buat sementara di Langkawi sebelum menyambung semula pelajarannya ke peringkat diploma di Universiti Malaya pada tahun 1999 dalam jurusan Diploma Sains Kejururawatan.



Gambar 1: Mohd. Herin bin Mansor

Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama isterinya, Wan Nurul Ain, yang bertugas sebagai seorang jururawat. Mereka telah mendirikan rumahtangga selama 14 tahun dan dikurniakan tiga orang anak. Anak pertama beliau berusia 14 tahun manakala yang kedua berusia 13 tahun dan yang bongsu pula berusia 9 tahun. Beliau sekarang menetap di No. 42, Jalan TSJ 19, Taman Seri Jelok, Kajang, Selangor.

### **Makna Dan Jenis-Jenis Tanjak**

Tanjak merupakan salah satu perhiasan kepala yang dipakai khususnya oleh kaum lelaki sahaja. Tengkolok, destar, getam, semutar dan justar merupakan antara nama lain bagi tanjak yang membawa maksud dan fungsi yang sama iaitu perhiasan kepala. Namun, setiap perhiasan kepala ini mempunyai asal-usul nama yang berlainan. Menurut Mohd. Herin (2020), tanjak secara umumnya perlu mempunyai kain dasar, bengkung dan simpulan, di mana simpulan tersebut adalah salah satu perkara yang dapat membezakan antara tanjak dengan perhiasan kepala yang lain.

Menurut beliau, tanjak juga melambangkan kepada jawatan atau pangkat seseorang itu pada zaman dahulu. Contohnya seperti laksamana, bendahara dan sultan. Pada zaman kini, tanjak ini lebih melambangkan kepada pekerjaan, status dan juga negeri-negeri di Malaysia. Beliau juga ada menyatakan tanjak juga boleh dianggap sebagai penggentar. Hal ini kerana, sesetengah tanjak yang dihasilkan pada zaman dahulu kemungkinan dimasukkan sedikit unsur-unsur atau ilmu Melayu yang dijadikan sebagai penunjuk atau penggentar.



Tanjak mempunyai banyak jenis dan nama mengikut negeri. Namun begitu, tidak semua negeri mempunyai tanjak khas negeri tersebut. Beliau menghasilkan sekitar hampir seratus jenis tanjak. Antara contoh jenis-jenis tanjak bagi Negeri Sembilan ialah, Dendam Tak Sudah, Solok Timbo, Sarang Kerengga, Kacang Dua Helai Daun, dan Lang Menyongsong angin Negeri Sembilan. Bagi negeri Perak, jenis tanjaknya ialah Ayam Patah kepak, Lang Menyongsong Angin Perak, Alang Iskandar dan juga Balong Ayam Perak. Tanjak di Selangor pula, terdapat tanjak Balong Raja, Balong Ayam Selangor, Belah Mumbang, dan Cegat Seriap. Selain tanjak negeri, terdapat juga tanjak-tanjak lama yang dipakai oleh pahlawan-pahlawan Melayu zaman dahulu. Antaranya ialah Takut Tukang Besi, Nakhoda Terung, Mahkota Alam, Anderi Guru Selebu, Ajutan Bingas, Bugis Tak Balik dan Bugis Peranakan.



Gambar 2: Jenis-jenis tanjak

### **Bahan Dan Peralatan**

Setiap perhiasan kepala mestilah mempunyai jenis kain atau fabrik yang spesifik mengikut kesesuaiannya. Tanjak yang dihasilkan beliau menggunakan kain songket, kain kapas dan juga kain-kain lama yang masih boleh digunakan lagi. Namun begitu, jenis kain yang digunakan juga bergantung kepada tempahan dan permintaan yang diterima. Terdapat dua cara dalam pembuatan tanjak yang menggunakan bahan dan peralatan yang berbeza. Cara yang

pertama adalah cara tradisional yang menggunakan bahan seperti kertas, jarum, benang dan lidi kelapa. Tanjak yang dihasilkan secara tradisional ini lebih kepada mengikuti adab pembuatannya, iaitu dengan menjahit tangan dan melenturkannya dengan menggunakan pucuk lidi kelapa dan dibiarkan sehingga lidi itu kering supaya bentuk tanjak itu kekal. Bagi cara yang kedua pula, ia merupakan cara yang digunakan pada zaman sekarang dengan bahan dan peralatan seperti kain, gam atau kertas gam dan juga dawai untuk menegakkan tanjak tersebut supaya tahan lebih lama. Beliau juga ada menyatakan tentang bahan yang digunakan dalam membuat perhiasan kepala Getam. Getam dihasilkan dengan merendam di dalam kanji untuk mengeraskan kain yang digunakan bagi memudahkan nya dilipat untuk membentuk Getam tersebut.

Kain-kain songket yang digunakan dalam membuat tanjak ini kebanyakannya dibeli di Jalan TAR (Tunku Abdul Rahman) dan ada juga yang dibeli terus daripada pembekal kain songket seperti kain songket Terengganu. Tanjak yang dihasilkan dengan songket ini mampu mencecah ribuan ringgit Malaysia. Beliau memaklumkan bahawa pembekal kain songket tersebut merupakan kawan-kawannya, di mana hal ini memudahkan beliau dalam membeli kain tersebut. Kebanyakan tanjak yang dihasilkan oleh beliau di buat di rumahnya. Dia juga mempunyai galeri yang juga terletak di rumahnya bagi mempamerkan tanjak yang telah dihasilkan.



Gambar 3: Kain Songket Terengganu

### **Pembuatan**

Tanjak mempunyai keunikannya yang tersendiri. Dalam pembuatan tanjak perlu ada tiga syarat iaitu, tapak dengan bengkung, simpul dan juga karangan ataupun nama lain disebut sebagai solek. Selain itu, pembuatan

tanjak juga turut mempunyai syarat yang penting dalam menghasilkan satu-satu tanjak tersebut. Antara syarat penting dalam pembuatan tanjak ialah minat. Untuk membuat tanjak, seseorang itu perlulah betul-betul berminat dan bersungguh-sungguh dalam mempelajari tanjak warisan Melayu ini. Seterusnya, apabila sudah belajar dan pandai untuk menghasilkan satu-satu tanjak, seseorang itu perlulah mengikut adab-adab dalam membuat tanjak. Antara adab dalam membuat tanjak adalah menghadap kiblat dan juga mesti berwudhu. Adab-adab ini perlulah dibuat dan dituruti supaya dipermudahkan urusan dan juga dapat menghasilkan sentuhan yang baik. Antara adab lain dalam pembuatan tanjak ialah membuatnya dalam keadaan melutut iaitu dengan melutut di bawah. Itu merupakan keadaan di mana tanjak dibuat. Tetapi, ada juga tanjak yang di buat di atas meja. Namun, cara yang betul adalah perlu dibuat dengan duduk melutut.

Lipatan bagi tanjak mempunyai pelbagai cara dan berbeza-beza bagi tiap-tiap jenis tanjak. Kaedah ini sangat diperlukan bagi menghasilkan lipatan yang kemas. Setiap kaedah yang dipelajari mempunyai teknik-teknik yang tersendiri bagi menghasilkan lipatan yang kemas dan rapi. Oleh sebab itu, seseorang yang ingin mempelajari cara membuat tanjak perlulah rajin berlatih bagi memastikan tanjak yang dihasilkan itu kemas serta cantik. Setiap tanjak juga turut mempunyai simpulannya yang tersendiri. Contohnya seperti simpulan ketupat serta simpulan garam sebuku.

Langkah awal pembuatan tanjak adalah menyediakan kain dasar. Penyediaan kain dasar itu adalah dari kain yang besar. Saiz bagi kain dasar ialah 33 inci x 33 inci x 33 inci. Seterusnya, kain dasar itu perlu dilipat dan dijadikan kepada segitiga sama. Daripada segi tiga itu ianya diteruskan dengan lipatan mengikut karangan ataupun solekan. Karangan bermaksud membuat atau menghasilkan tanjak mengikut kaedah atau cara yang telah dipelajari. Namun begitu, ada sesetengah pengarang tanjak memanggilnya menyolek tanjak, membuat tanjak dan sebagainya. Menurut Mohd Herin, bahasa yang lebih tepat lagi adalah mengarang tanjak dan bukannya menyolek tanjak.

Masa yang diambil untuk menyiapkan satu tanjak itu bergantung kepada jenis tanjak. Kalau tanjak jenis getam, ianya memang akan mengambil masa yang lama. Begitu juga dengan tanjak yang jenis Negeri Sembilan. Ini

adalah kerana tanjak jenis getam dan jenis Negeri Sembilan itu perlu dijahit dan jahitannya terlalu banyak. Masa bagi menyiapkan tanjak bagi kedua-dua jenis tanjak ini ialah sekitar dua atau tiga jam bagi satu tanjak. Namun begitu, bagi tanjak biasa pula ianya lebih mudah dan cepat untuk disiapkan iaitu kurang dari dua jam.

Terdapat beberapa larangan yang perlu dielakkan dalam membuat tanjak. Antara larangan tersebut ialah tidak boleh melangkah, tidak meletakkan tanjak tersebut di tempat yang kotor dan juga tidak diletakkan di atas lantai. Menurut beliau lagi, tanjak perlulah dijaga dengan baik dan rapi seperti meletakkannya di tempat yang tinggi.

### **Pemakaian**

Pemakaian sesuatu pakaian perlulah lengkap dari atas sampai ke bawah. Begitu juga dengan tanjak. Pemakaian tanjak mempunyai tujuan sebenarnya yang tersendiri dan hanya golongan lelaki sahaja yang boleh memakai tanjak. Tanjak merupakan salah satu pakaian lengkap pemakaian Melayu. Apabila berbusana Melayu, janganlah dipakai dengan baju Melayu dan seluar sahaja tetapi perlulah dipakai dengan lengkap iaitu bersama-sama samping, bengkung dan juga keris. Pemakaian ini merupakan satu persalinan yang lengkap bagi busana Melayu. Menurut beliau, dalam busana Melayu perlulah mempunyai tanjak. Pada masa kini terdapat faktor mengapa pemakaian tanjak itu diperlukan. Dengan pemakaian tanjak, seseorang itu dapat menghindarkan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan yang tidak elok. Jadi, dengan pemakaian tanjak ini menunjukkan yang seseorang itu menjaga adab-adab KeMelayuan itu sendiri.

Selain itu, tanjak perlulah dipakai dengan cara yang betul. Cara pemakaian tanjak yang betul ialah simpulan perlu diletakkan di atas telinga kanan. Laksamana, bendahara atau temenggung pada zaman dahulu memakai tanjak dengan meletakkan simpulan tersebut di belakang dan pemakaian tanjak ini dipakai selepas mereka dilantik oleh sultan.

Pemakaian tanjak boleh dipakai bila-bila masa sahaja. Hal ini kerana pemakaian tanjak itu dapat menentukan status bagi si pemakai. Beliau

mengatakan bahawa pemakaian tanjak yang berwarna merah yang berbentuk garang perlulah dielak apabila menziarahi kematian. Hal ini kerana pemakaian tanjak seperti warna tersebut menjadikan si pemakai seolah-olah bergaya sombong dan tidak menghormati keluarga si mati dan orang ramai yang datang menziarah. Jadi, untuk menziarahi kematian, seseorang itu perlulah menggunakan tanjak yang bentuknya menunduk serta warna yang tidak terang seolah-olah menunjukkan bahawa tanjak tersebut juga turut bersedih. Ini secara tidak langsung menunjukkan pemakaian tanjak ini boleh dipakai pada apa jua upacara, tidak kira masa dan tempat dan perlulah dielakkan daripada memakai di tempat yang kotor seperti tandas.

### **Cabaran Dalam Mengekalkan Tanjak Warisan Melayu**

Cabaran utama yang beliau hadapi dalam mengekalkan tanjak warisan Melayu ini ialah penjualan tanjak menerusi dalam talian. Ada sesetengah pihak yang secara sengaja mengambil peluang ini kerana mereka melihat semakin ramai yang kini menggemari memakai tanjak bagi mendapat keuntungan. Kesannya, keaslian tanjak warisan Melayu tidak lagi dapat dikekalkan kerana kebanyakan yang dijual adalah tanjak rekaan sendiri, menggunakan bahan lain daripada yang pengarang tanjak sebenar gunakan, serta turut menamakan tanjak tersebut dengan sesuka hati. Cabaran in sangat besar bagi beliau kerana penjual-penjual yang berkenaan telah merosakkan warisan Melayu sedikit demi sedikit hanya disebabkan oleh wang.

### **KESIMPULAN**

Secara Kesimpulan, tanjak merupakan warisan Tanah Melayu dan warisan ini perlulah dikekalkan sampai bila-bila. Menurut Zubaidah Sual, Pakar Busana Tradisional Malaysia (2020), tanjak atau tengkolok merupakan salah satu busana pada bahagian kepala lelaki Melayu yang sering dikaitkan dengan istana, kepahlawanan dan dipakai dalam pelbagai adat istiadat bangsa Melayu. Pemakaian tanjak ini pada kebiasaannya akan dipadankan dengan bengkung, sampung dan baju Melayu bagi pakaian lelaki Melayu. Pemakaian tanjak perlulah dipelihara dan dikekalkan oleh semua golongan. Hal ini kerana, melalui pemakaian tanjak, ia dapat menghidupkan semula jati diri terutamanya bagi masyarakat Melayu. Namun begitu, jika dilihat sekarang, terdapat ramai anak

muda yang turut menggayakan pemakaian tanjak ini. Contohnya, setiap kali raya menjelang, ramai yang menggayakan tanjak bersama keluarga di kepala mereka. Bahkan, pada majlis tertentu juga dilihat sudah ramai yang tidak janggal untuk memakai tanjak di khalayak ramai. Semestinya, perkara ini merupakan suatu kebanggaan terutamanya orang Melayu kerana inilah warisan budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita untuk dipersembahkan kepada golongan muda pada masa akan datang (The Patriots, 2020). Jadi, pemakaian tanjak warisan Melayu ini perlulah dikekalkan kerana tanjak menunjukkan bangsa dan identiti Melayu itu sendiri. Bagi menerapkan kebudayaan ini, bukanlah hanya melalui pakaian tradisional dan budaya sahaja, tetapi masing-masing juga perlu bertanggungjawab dalam menerapkan dan mengekalkan tradisi dalam perbualan harian dengan kaum lain dan seterusnya dapat dikekalkan selamanya dan bukanlah hanya menjadi fesyen yang popular bagi musim-musim tertentu sahaja.

## **RUJUKAN**

- Berita Harian. 2020. *Tanjak Pelengkap Gaya Majlis Santai* | Berita Harian. Diakses pada 19 Disember 2020, dari <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/lain-lain/2019/07/582414/tanjak-pelengkap-gaya-majlis-santai>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Facebook. 2020. *Log in To Facebook* | Facebook. Diakses pada 19 Disember 2020, dari <https://www.facebook.com/destartanjakmahkotamelayu>
- Luahan Sebatang Pena: Aku Pencinta Melayu. (2017). *Tanjak Warisan Melayu*. Diakses pada 17 Disember 2020, dari <http://pecintawarisanmelayu.blogspot.com/2017/03/tanjak-warisan-melayu.html>
- Maklumat tentang Tengkolok, Tanjak dan Destar, Tahukah Anda? (2013). Diakses pada 17 Disember 2020, dari <http://tahukahh-anda.blogspot.com/2013/04/maklumat-tentang-tanjak-tahukahh-anda.html>
- Melayu, A. and Malaysia, S., 2020. *Sisi Gelap Fenomena Pemakaian Tanjak Di Malaysia - The Patriots*. Diakses pada 20 Disember 2020, dari <https://www.thepatriots.asia/sisi-gelap-fenomena-pemakaian-tanjak-di-malaysia>
- Mohd Herin Mansor. (2020, Disember 2), Komunikasi peribadi [Temu bual peribadi].

- Othman, N. (2020). Tanjak dan tengkolok kalau salah pakai boleh melanggar adat? Ini sebabnya... Diakses pada 16 Disember 2020, dari <https://soscili.my/tanjak-tengkolok-dan-destar-apa-beza-dan-maksud-pemakaiannya/>
- Portal Diraja Pahang. (2016). *TANJAK*. Diakses pada 17 Disember 2020, dari [http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page\\_id=1245](http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=1245)
- R1/Azhar. (2019). Mengenal Fungsi Utama Penggunaan Tanjak Dari Pakar Tanjak Melayu Riau. Diakses pada 17 Disember, 2020, from <https://www.riau1.com/berita/riau/1571975904Mengenal-Fungsi-Utama-Penggunaan-Tanjak-Dari-Pakar-Tanjak-Melayu-Riau>
- Salina Abdul Manan, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Noor Hafiza Ismail & Norasid Majid. (2017). SENI MENGIKAT TENGGOLOK WARISAN PERAK DARUL RIDZUAN. Diakses pada 16 Disember 2020, dari [http://www.rekajournal.usm.my/images/Volume\\_1/paper14M\\_044-small.pdf](http://www.rekajournal.usm.my/images/Volume_1/paper14M_044-small.pdf).
- Tanjak Mahkota By Bin Mansor. Diakses pada 17 Disember 2020, dari <http://www.findglocal.com/MY/Kajang/130035760775455/Tanjak-Mahkota-By-Bin-Mansor>
- Ukm.my. 2021. *SEJARAH LISAN*. Diakses pada 5 Januari 2021, dari <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>